

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KE-14**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : DATO' DR. MOHD KHAIRUDDIN  
BIN AMAN RAZALI [KUALA NERUS]**

**SOALAN**

**DATO' DR. MOHD KHAIRUDDIN BIN AMAN RAZALI [KUALA NERUS]** minta **KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan berapa jumlah peluang pekerjaan yang berjaya dicipta bagi tahun 2020 dan 2021 melalui pelbagai projek pelaburan sebagai usaha mengatasi krisis pengangguran nasional.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Bagi tempoh tahun 2020 sehingga Jun 2021, Malaysia telah meluluskan sebanyak 1,416 projek pelaburan dalam sektor perkilangan dengan nilai pelaburan RM158.2 billion. Pelaburan ini dijangka dapat mewujudkan sejumlah 112,410 peluang pekerjaan setelah dilaksanakan. Secara umumnya, projek-projek perkilangan yang diluluskan akan mengambil masa selama 24 bulan untuk dilaksanakan.

Bagi tahun 2020, daripada 1,049 projek pelaburan yang diluluskan dalam sektor perkilangan dengan nilai pelaburan sebanyak RM91.3 bilion, sejumlah 425 projek dengan nilai pelaburan sebanyak RM30.9 bilion telah dilaksanakan. Projek-projek perkilangan yang telah dilaksanakan ini berjaya mencipta sejumlah 28,718 pekerjaan. Tiga industri yang menyumbang kepada penciptaan pekerjaan terbesar adalah industri produk getah (7,086 pekerjaan), industri elektrik dan elektronik (6,415 pekerjaan) dan industri pembuatan makanan (2,729 pekerjaan).

Bagi tempoh Januari hingga Jun tahun 2021 pula, daripada 367 projek pelaburan dengan nilai RM66.9 bilion yang diluluskan dalam sektor perkilangan, 38 projek bernilai RM711.8 juta telah dilaksanakan. Projek-projek perkilangan yang dilaksanakan ini melibatkan penciptaan sebanyak 1,078 pekerjaan. Tiga industri yang menyumbang kepada penciptaan pekerjaan terbesar bagi tempoh enam bulan pertama tahun 2021 adalah industri elektrik dan elektronik (270 pekerjaan), industri kimia dan produk kimia (193 pekerjaan) serta industri kertas, percetakan dan penerbitan (180 pekerjaan).

Walaupun berdepan dengan pelbagai cabaran impak pandemik COVID-19 terhadap ekonomi negara dan global susulan langkah kawalan pergerakan yang dikenakan sebelum ini, Kerajaan komited memastikan projek-projek pelaburan yang diluluskan dapat dilaksanakan dengan segera dan berjalan lancar mengikut perancangan.

Bagi tujuan ini, Kementerian ini sentiasa berusaha menambahbaik khidmat fasilitasi kepada para pelabur. Ini termasuklah inisiatif penubuhan Project Acceleration and Coordination Unit (PACU) di Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) bertujuan memudahcara urusan dan mempercepatkan kelulusan dari pelbagai agensi berkaitan bagi menyegerakan pelaksanaan projek pelaburan di Malaysia. Kelancaran pelaksanaan projek-projek pelaburan ini dapat menyumbang kepada penciptaan pekerjaan kepada rakyat setempat dan membantu mengatasi krisis pengangguran.